

Aku meminta perhatianmu terhadap Febe, saudari kita yang melayani jemaat di Kengkrea, supaya kamu menyambut dia dalam Tuhan, sebagaimana seharusnya bagi orang-orang kudus, dan berikanlah kepadanya bantuan bila diperlukannya. Sebab ia sendiri telah memberikan bantuan kepada banyak orang, juga kepadaku sendiri. Sampaikan salam kepada Priskila dan Akwila, teman-teman sekerjaku dalam Kristus Yesus.

Roma 16:1-2

Disember 24, 2023

www.heraldmalaysia.com



Krismas lahir dari ungkapan cintakasih Tuhan kepada kita umat manusia



Pesan Krismas Uskup Cornelius Piong

Krismas adalah perayaan cintakasih kerana ia lahir dari ungkapan cintakasih Tuhan kepada kita manusia.

Kalau kita kembali kepada asal mula Krismas, Krismas adalah ungkapan Tuhan untuk menyelamatkan kita umat manusia dari kekuasaan dosa dan Dia telah mengutus Putera-Nya, Yesus.

Dia mengutus Putera-Nya Yesus kerana cintakasih-Nya kepada dunia seperti yang tercatat dalam Yohanes 3:16 "Begitu besar kasih Tuhan kepada dunia sehingga Dia mengutus Putera-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya akan beroleh hidup sejati dan kekal." Inilah akar umbi Krismas kita.

Perayaan Krismas memang diterima oleh semua masyarakat antarabangsa. Tetapi perayaan Krismas yang dirayakan oleh dunia sangat berbeza dari inti perayaan sebenar Krismas. Bagi dunia, Krismas bermakna per-

ayaan liburan tanpa memahami asal usul dan maknanya.

Bagi kita umat Kristian perayaan Krismas adalah ungkapan cinta kasih kita kepada Tuhan kerana Dia telah lebih dahulu mengungkapkan kasih-Nya kepada kita melalui Yesus.

Bagi kita umat Kristian, ingatlah TIGA peristiwa ini dalam merayakan Krismas

i. Kristus Putera Tuhan sudah datang iaitu dua ribu tahun lalu (Gal. 4:4).

ii. Kristus tetap hadir bersama kita seperti yang dinyatakan Mat 1: 23 "Putera Tuhan itu dipanggil Imanuel: Tuhan berserta



kita. Maka kita bersyukur kerana Tuhan sudah datang melalui Yesus Kristus. Tuhan itu hadir tetapi kita perlu menanggapi dan mensyukuri kehadiran-Nya dalam hidup kita sehari-hari.

iii. Tuhan akan datang kembali dalam kemuliaan-Nya. Sebab itulah Tuhan selalu mengingatkan kita untuk berjaga-jaga kerana waktu Dia datang tidak ada sesiapa yang tahu. Berjaga-jagalah, kerana bila-bila masa sahaja Dia datang, mungkin Dia datang pada hari kematian kita atau Dia datang pada akhir zaman, kita perlu berjaga-jaga dalam iman.

Tiga perkara ini menempatkan perayaan Krismas kita mengikut

landasan dan tujuan yang benar.

Saya berharap, khususnya umat Kristian, merayakan Krismas dengan tujuan sebenar dan dengan itu kita dibantu untuk membangun umat yang bersifat komuniti, bersikap ambil peduli terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita dan setia bersaksi bagi Kristus walau apapun cabaran yang kita hadapi.

Dalam kita bergembira menyambut perayaan Krismas jangan kita lupa membawa dalam doa keamanan negara-negara yang sedang bergolak dengan konflik khususnya peperangan di Palestine, Ukraine dan Myanmar.

Semoga kita semua setia menanggapi rencana penyelamatan Tuhan agar kita semua diselamatkan kerana kasih-Nya.

Selamat Krismas 2023 dan Tahun Baru 2024.
Uskup Cornelius Piong

AI untuk pelayan keamanan

TAKHTA SUCI: Dalam pesan tahunannya untuk Hari Keamanan Sedunia, Sri Paus Fransiskus menggesa para pemimpin dunia untuk memastikan bahawa kemajuan dalam membangunkan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence/AI*) harus bertujuan melayani persaudaraan dan keamanan manusia.

Pesan itu yang didedikasikan untuk tema "Kecerdasan Buatan dan Keamanan" di siarkan oleh Vatikan pada hari Khamis menjelang Hari Keamanan Sedunia ke-57, Januari 1, 2024.

Sri Paus berkata bahawa walaupun "mesin pintar" tersebut boleh melaksanakan tugas dengan kecekapan yang lebih besar tetapi AI hanya dapat meniru atau menghasilkan semula fungsi tertentu kecerdasan manusia.

Bapa Suci Fransiskus mengingatkan bahawa perkembangan pesat AI yang banyak dipengaruhi oleh "matlamat dan kepentingan pemilik dan pembangunnya" dan bahawa algoritma boleh disalah guna untuk mencetuskan "ketidakadilan dan prasangka."

Tegas prelatus itu, AI tidak boleh sama sekali menjadi piawai untuk pertimbangan moral. "Keupayaan manusia untuk pertim-

bulan moral dan membuat keputusan beretika adalah unik berbanding koleksi algoritma yang kompleks, dan kebolehan manusia ini tidak boleh digantikan dengan pengaturcaraan mesin, yang walaupun 'pintar' tetapi AI tetap sebuah mesin," kata Sri Paus Fransiskus.

Salah satu kebimbangan utama Bapa Suci terhadap AI adalah potensi penggunaannya dalam peperangan melalui senjata autonomi.

Senjata sedemikian, yang boleh berakhir "di tangan yang salah" untuk digunakan bagi memudahkan "serangan pengganas" atau melemahkan sistem kerajaan sesebuah negara.

Namun, Sri Paus Fransiskus tetap mengakui banyak kebaikan AI. Katanya, AI tetap mempunyai kebaikan untuk manusia "jika kita bertindak secara bertanggungjawab dan menghormati hak asasi manusia seperti ketelusan, keselamatan, ekuiti, privasi dan kebolehppercayaan."

"Sekiranya AI digunakan untuk menggalakkan pembangunan manusia yang integral, ia boleh memperkenalkan inovasi penting dalam pertanian, pendidikan, dan budaya, tahap kehidupan yang lebih baik untuk seluruh negara dan rakyat serta pertumbuhan persaudaraan manusia dan persahabatan sosial," ujar Bapa Suci.

"Akhirnya, dalam kita menggunakan AI, gunakannya untuk membantu saudara-saudari kita yang paling kecil, yang lemah dan



Sri Paus Fransiskus mengucup patung bayi Yesus pada Vigil Krismas di Vatikan pada tahun 2019. Gambar: Media Vatikan.

yang paling memerlukan kerana merekalah ukuran sebenar kemanusiaan kita."

Fransiskus menekankan bahawa kerajaan dan organisasi antarabangsa boleh "memainkan peranan yang menentukan" dalam mewujudkan perjanjian yang memastikan pembangunan dan penggunaan AI.

Uskup Roma itu mencadangkan "perjanjian antarabangsa yang mengawal selia teknologi agar tidak disalah guna."

Pada akhir pesannya, Bapa Suci Fransiskus menyatakan, "Adalah menjadi doa saya pada permulaan tahun baru 2024, agar perkembangan pesat AI tidak akan meningkatkan kes ketidakadilan yang sudah terlalu banyak berlaku di dunia hari ini. Semoga kemajuan AI ini dapat membantu menamatkan peperangan dan konflik, dan mengurangkan pelbagai bentuk penderitaan yang menimpa keluarga manusia kita!" — CNA/media Vatikan

Tidak ada keluaran pada Disember 31, 2023.
Kami akan kembali pada Januari 7, 2024.



Editor dan sidang redaksi **HERALD**
mengucapkan Selamat Hari Krismas 2023
dan Tahun Baru 2024!

Harapan miliki kuasa merealisasikan realiti

Pada zaman apartheid di Afrika Selatan, orang Kristian di sana pernah menyalakan lilin dan meletakkannya di tingkap mereka sebagai tanda mereka percaya bahawa suatu hari nanti ketidakadilan apartheid akan berakhir.

Lilin yang menyala di tingkap adalah tanda harapan dan kenyataan politik.

Kerajaan berasa terancam dan menyedari akan mesej yang dibawa oleh lilin itu.

Lalu ia meluluskan undang-undang yang melarang nyalaan lilin di tingkap, kesalahan itu sama dengan memiliki senjata api; kedua-duanya dianggap sama berbahaya.

Ini akhirnya menjadi jenaka di kalangan kanak-kanak: "Kerajaan kita takut dengan lilin yang dinyalakan!"

Dan ini memang benar-benar terjadi! Lilin yang dinyalakan itu ternyata lebih kuat daripada senjata api, ia telah menumbangkan apartheid!

Harapan, bukan senjata, yang akhirnya mengubah keadaan. Untuk menyalakan lilin sebagai aksi harapan adalah untuk mengatakan kepada diri sendiri dan kepada orang lain bahawa, walau apa yang mungkin berlaku di dunia, kita masih memelihara visi keamanan dan perpaduan yang berdasarkan sesuatu di luar keadaan sekarang serta realiti dan kuasa yang lebih mendalam daripada apa yang diakui dunia.

Untuk menyalakan lilin adalah untuk menyatakan secara terbuka bahawa anda percaya bahawa,

pada penghujung hari, biar apa pun yang anda lihat pada berita petang, ia memberi makna pada sesuatu yang kita harapkan.

Ada kuasa lain yang turut bekerja. Untuk menyalakan lilin adalah tindakan menentang politik dan tindakan harapan.

Apa itu harapan? Pertama, ia bukan angan-angan. Kita boleh berangan-angan untuk memenangi loteri, tetapi hasrat itu sahaja tidak mempunyai kuasa untuk menjadikannya realiti.

Kedua, harapan bukan sekadar sikap optimisme yang sentiasa melihat sisi positif akan segala sesuatu.

Keyakinan yang teguh dan tidak berbelah bahagi tentang sesuatu kadangkala boleh membantu, tetapi ia bukan asas untuk harapan; seperti angan-angan ia tidak mempunyai kuasa untuk merealisasikan impiannya sendiri.

Akhir sekali, harapan bukan sekadar pemerhatian dan akal fikiran yang cerdas, ia juga bukan mengenai bakat untuk memilah yang perkara benar dari seribu yang halus.

Mengapa? Bukankah akal fikiran yang bijaksana ada kaitannya dengan harapan?

Kerana harapan bukan berdasarkan penilaian yang cerdas terhadap fakta empirikal, tetapi berdasarkan kepercayaan pada set realiti yang lebih mendalam: percaya kepada kewujudan Tuhan, kuasa Tuhan, kebaikan Tuhan, dan janji yang mengalir daripadanya.



Ada sebuah kisah yang diceritakan tentang Pierre Teilhard de Chardin yang membantu kita memahami tentang harapan.

Teilhard tidak terlalu menyukai angan-angan atau juga bersikap optimis; dia lebih cenderung kepada realisme yang sunyi.

Namun dia seorang lelaki yang mempunyai harapan yang sejati. Sebagai contoh, pada satu ketika, selepas mengendalikan sebuah konferensi di mana beliau membentangkan visi bahawa perpaduan dan keamanan akan dicapai di bumi dengan cara yang selari dengan visi kitab suci.

Tetapi visi beliau telah dicabar oleh beberapa rakan sekerja. Mereka mengatakan, "Visi itu kelihatan indah dan idealistik. Tetapi andaikan kita meletupkan

dunia dengan bom nuklear, apakah yang berlaku kepada penglihatan anda?"

Teilhard menjawab, "Itu akan membuat keadaan kembali berjuta-juta tahun, tetapi ini masih akan membuahkan hasil, bukan kerana saya berkata demikian atau kerana fakta sekarang menunjukkan bahawa ia akan berlaku, tetapi kerana Tuhan menjanjikannya dan dalam kebangkitan Yesus telah menunjukkan bahawa Dia cukup berkuasa untuk menunaikan janji itu."

Harapan, seperti yang dapat kita lihat daripada kisah tadi, ke dua-dua iman dan kesabaran. Ia berfungsi seperti yis, bukan seperti ketuhar gelombang mikro.

Jim Wallis, pengasas majalah *Sojourners*, menyatakan ini dengan serius, "Semua ahli politik adalah sama. Mereka mengangkat jari dan memeriksa arah angin bertiup dan kemudian membuat keputusan mereka ke arah itu. Itu tidak akan berubah, walaupun kita menukar ahli politik. Jadi, kita mesti mengubah angin! Itulah tugas harapan — untuk mengubah angin!"

Apabila kita melihat apa yang telah mengubah dunia ini secara moral — daripada tradisi keagamaan hebat yang berasal dari padang pasir, gua, dan katakombe dan membantu seluruh budaya memperbaiki moral, sehinggalah dasar apartheid yang digulingkan di Afrika Selatan — kita melihat bahawa semua ini berlaku tepat apabila individu

dan kumpulan menyalakan lilin tersebut, bertahan dalam pengharapan, cukup lama sehingga angin berubah.

Kita menyalakan lilin Adven sambil mengingati peristiwa-peristiwa hebat itu, menerima bahawa mengubah angin adalah proses yang panjang, bahawa berita petang yang buruk tidak akan sentiasa berubah menjadi positif, pasaran saham tidak akan sentiasa meningkat, pertahanan paling canggih di dunia tidak akan sentiasa melindungi kita daripada keganasan, dan ideologi liberal dan konservatif sekular tidak akan menghapuskan planet ini daripada mementingkan diri sendiri.

Walau bagaimanapun, teruskanlah menyalakan lilin dan berharap, bukan atas dasar siaran berita malam yang semakin memburuk atau bertambah baik, tetapi kerana realiti yang paling dalam bahawa Tuhan itu wujud, yang berpegang pada sumber utama bahawa pada akhirnya ada Tuhan yang pemurah yang memerintah alam semesta ini, dan Tuhan ini cukup berkuasa untuk menyusun semula atom-atom planet ini dan membangkitkan jenazah kepada kehidupan baru.

Kita menyalakan lilin pengharapan kerana Tuhan, yang merupakan kuasa tertinggi, telah berjanji untuk menubuhkan kerajaan cinta dan kedamaian di bumi ini dan murah hati, pengampun, dan penuh kuasa. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Berbahagialah kamu yang percaya

Sudah berturut-turut pada tiga Hari Minggu Adven (I, II, III) ketiga-tiga penulis Injil, iaitu Markus, Matius dan Lukas memperkenalkan kepada kita tokoh Yohanes Pembaptis, yang bertugas menyiapkan dan memperkenalkan kedatangan Yesus sebagai Almasih.

Pada Hari Minggu Adven IV ini, Lukas memperkenalkan kepada kita tokoh Bonda Maria.

Kita diajak oleh Lukas untuk mengenal siapa Maria itu sebenarnya. Tokoh wanita inilah yang melahirkan Penyelamat kita!

Hari Raya Natal, iaitu perayaan kelahiran Yesus sebagai Juru Selamat kita, akan bermula beberapa jam lagi. Yang kita rayakan adalah suatu peristiwa yang sungguh luar biasa, yang tak mungkin dapat kita fahami menurut kemampuan daya fikir manusia.

Bagaimana mungkin akan dilahirkannya "Anak Tuhan Yang Mahatinggi" menjadi manusia!

Tetapi bukan hanya kenyataan bahawa Tuhan menjadi manusia adalah suatu peristiwa yang luar-

biasa, yang tiada duanya. Masih ada kenyataan luarbiasa lain yang juga tiada duanya, iaitu kata-kata yang diucapkan oleh seorang perawan bernama Maria, seorang penduduk sederhana di kampung Nasaret.

Ketika dia menerima tawaran dari Malaikat Gabriel untuk menjadi ibu Putera Tuhan, walaupun sedar akan kesederhanaan dan keterbatasannya, dia berkata: "Sesungguhnya aku ini adalah hamba Tuhan; terjadilah padaku menurut perkataanmu." Sikap dasar yang diungkapkan Maria dengan kata-kata itu sungguh luarbiasa dan tiada duanya! Mengapa?

Dalam ibadat liturgi kita mempersiapkan diri untuk nanti merayakan Hari Raya Natal, sebagai peringatan akan kelahiran Yesus sebagai Almasih di Betlehem dua-puluh satu abad yang lalu.

Tetapi perayaan Natal tidak akan ada maknanya, apabila Natal hanya sekadar merupakan peringatan akan sesuatu kejadian, namun tidak ada pengaruh dan buahnya yang konkrit bagi kesela-

matan kita yang merayakannya.

Pesta Natal cenderung dirayakan sebagai pesta riang gembira. Tetapi kegembiraan Natal itu banyak kehilangan erti dan tujuannya yang sebenarnya, iaitu kelahiran Yesus sebagai Penyelamat dalam hati kita.

Sesudah tiga Hari Minggu yang lalu kita berusaha mengenal Yohanes Pembaptis, sekarang ini kita mengenal Bonda Maria, Ibu Yesus Penyelamat kita.

Sikap dasar peribadi Maria sebagai perempuan perawan, yang sungguh percaya kepada Tuhan, diungkapkannya dalam kata "Fiat", "terjadilah", "terjadilah padaku menurut perkataanmu". "Fiat" Maria sebagai kesediaannya yang total untuk melaksanakan kehendak Tuhan memang telah disiapkan oleh tanpa dosa.

Sebab Tuhan menghendaki pulihnya kembali hubungan-Nya dengan manusia, yang telah diciptakan-Nya menurut citra-Nya. Kerana itu Putera-Nya yang menjadi manusia sebagai Penebus harus lahir dari seorang perem-

HARI MINGGU KEEMPAT ADVEN (B)

2 SAM 7:1-5.8B-12.14A.16

ROMA 16:25-27

INJIL LUKAS 1:26-38

puan yang tak bercela, iaitu Maria. Tuhan menghendaki agar Putera-Nya menjadi saudara kita sebagai manusia.

Dan dengan demikian dalam Yesus Kristus Putera-Nya kita menjadi anak angkat Tuhan, Tuhan menjadi Bapa kita, seperti kita ucapkan dalam doa Bapa Kami.

Semuanya itu dapat menjadi suatu kenyataan berkat ucapan dan pelaksanaan "Fiat" Maria.

Kata "Fiat" yang bererti "Terjadilah padaku menurut perkataanmu" dilaksanakan Maria dengan setia tanpa henti sepanjang hidupnya.

Kata dan perbuatan Maria adalah satu, tidak berbeza! Maria adalah manusia dengan keperiba-

dian yang utuh!

Maria bukanlah hanya Ibu/Bonda Yesus Penyelamat secara fizik belaka. Keibuannya berlandasan pada imannya.

Sebelum Maria menerima Yesus dalam kandungannya, dia telah menerima-Nya dalam iman; "Berbahagialah dia, yang telah percaya, sebab apa yang dikatakan kepadanya dari Tuhan akan terlaksana" (Luk 1:45).

Injil Lukas hari ini memberi pesan kepada kita, supaya kita makin tahu dan sedar apa sebenarnya erti percaya kepada Tuhan.

Percaya bukanlah sekadar bererti mahu menerima sesuatu sebagai kebenaran, meskipun masih secara samar-samar. — *Iman Katolik*

Pasca PUKAT-12: Penilaian dan dapatan

KENINGAU: PUKAT 12 Keuskupan Keningau (Perhimpunan Umat Katolik Keuskupan Keningau) telah berlalu pada akhir Oktober lalu.

Pada Disember 5, Tim Perancang dan Pemantau Pastoral Keuskupan Keningau (TPP-PK) telah bertemu bagi membincangkan penilaian dan dapatan PUKAT 12 lalu.

Sejak ditubuhkan 30 tahun yang lalu, Keuskupan Keningau tanpa gagal telah berdasarkan Tema Pastoralnya yang berbunyi "Umat Tuhan Berjalan Bersama" (DPO 1996).

Seiring berjalannya waktu, tema ini dirungkai dengan lebih terperinci setiap kali penilaian PUKAT dilaksanakan.

Maka, bersempena dengan Ulang Tahun Keuskupan Keningau ke-30 (UTK 30 dan PUKAT 12, Keuskupan Keningau telah mengambil tema "Umat Tuhan berjalan bersama dalam Yesus Kristus, membangun Gereja melalui institusi keluarga, memelihara bumi sebagai rumah kita bersama, melayani sesama tanpa mengira agama, bangsa dan budaya."

Tema ini juga akan menjadi Tema Pastoral Keuskupan Keningau sehingga tahun 2026 menuju *Malaysia Pastoral Convention* pada tahun 2026.

Semasa PUKAT 12, empat fokus pelayanan pastoral berdasarkan empat dokumen Sri Paus Fransiskus iaitu *Evangelii Gaudium*, *Amoris Laetitia*, *Laudato Si* dan *Fratelli Tutti* bagi memperhalusi empat perkara utama berikut:



Gereja (*Evangelii Gaudium*)

Gereja adalah Komuniti Umat Tuhan yang berdasarkan kepada semangat "Berjalan Bersama". Dalam menghidupi visi, misi dan matlamatnya, Gereja didukung bukan sahaja oleh para klerus, religius dan pemimpin awam tetapi juga seluruh anggotanya (bdk. Kis 2 :41-47). Inilah yang dimaksudkan oleh Sri Paus Fransiskus dengan semangat "Sinodal" iaitu "Berjalan Bersama".

Proses Pukat 12 sangat kuat memberi isyarat supaya Gereja melakukan Pertobatan Pastoral atau pertobatan integral yang mencakup kepimpinan Gereja, kehidupan rohani, pemantapan iman, hidup berkomuniti serta pentadbiran dan pelayanan.

Keluarga (*Amoris Laetitia*)

Secara singkatnya, dapat dikatakan bahawa "tanpa Keluarga maka tiadalah Gereja".

Maka, program-program pemantapan keluarga perlu diperkasakan kerana jika keluarga baik maka Gereja juga akan berkembang.

Proses Pukat 12 telah mendapati empat perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam keluarga iaitu, komunikasi, kesatuan, kerohanian dan pendidikan iman dalam keluarga.

Ekologi (*Laudato Si*)

Semua paroki akan menjalankan program dan kempen bagi meningkatkan kesedaran di kalangan umat serta usaha berterusan bagi memelihara alam sekitar.

Sosial/kemasyarakatan (*Fratelli Tutti*)

Pelayanan Gereja perlu terbuka luas dan melebar ke kehidupan masyarakat. Umat disarankan untuk memupuk sikap ambil peduli terhadap sesama manusia tanpa mengira

agama, bangsa dan budaya. Mengusahakan dialog dan pelayanan Gereja pelayanan Gereja perlu terbuka luas dan melebar ke kehidupan masyarakat.

Tekad berjalan bersama

Melalui penilaian pastoral daripada setiap paroki dan mission tersebut, bagi merealisasikan empat perkara utama tersebut, dikenal pasti bahawa semangat berjalan bersama adalah landasan utama dalam pelaksanaan perancangan pastoral Keuskupan Keningau bermula tahun 2024 hingga 2026.

Oleh itu, Umat Tuhan di Keuskupan Keningau bertekad untuk membangun Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam Yesus Kristus, membangun Gereja melalui institusi keluarga, memelihara bumi sebagai rumah kita bersama, melayani sesama tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Pejabat Komsos KL anjur bengkel penulisan kreatif

PETALING JAYA: Bengkel penulisan kreatif transformatif untuk media sosial anjuran Pejabat Komunikasi Sosial Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah diadakan pada Disember 2 lalu di Dewan La Salle.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh, Augustine Anthuvan, seorang penulis dan wartawan berpengalaman yang menetap di Singapura.

Bengkel tersebut bukan sahaja mengasah kemahiran menulis tetapi juga memupuk se-

mangat komuniti penulis untuk menyokong berita benar.

Bengkel itu mendalami seni bahasa foto, menggesa para penulis untuk memberi nafas hidup kepada mana-mana gambar, bercerita dengan hanya melihatnya.

Para penulis juga dilatih untuk mengemukakan soalan yang baik dan bagaimana meletakkan peranan Gereja. Augustine juga menekankan tarikh-tarikh penting dalam kalendar

PBB dan semua tarikh istimewa agar penulis peka akan isu-isu semasa serta mengajak masyarakat untuk prihatin.

Bengkel penulisan kreatif untuk media sosial adalah memperkaya pengalaman.

Ia bukan sahaja mengasah kemahiran menulis tetapi juga menyedarkan komuniti penulis akan kehidupan masyarakat, tentang kehidupan, perjuangan dan ancaman yang mereka hadapi.



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Dapat hostia dua, perlukah dikembalikan?

Soalan: Semasa menerima komuni, apakah umat harus mengembalikan hostia kudus jika menerima lebih dari satu? Ketika tidak mengembalikan, saya sering merasa bersalah kerana tidak jujur? Bagaimana yang seharusnya dilakukan?

Jawaban: Pertama, perlu diketahui lebih dahulu Ajaran Gereja bahawa Yesus Kristus hadir secara utuh dalam setiap rupa hostia suci.

Kehadiran Kristus yang utuh itu tidak bertambah, jika hostia yang diterima itu lebih dari satu atau lebih besar. Demikian pula, kehadiran Kristus tak berkurang sedikitpun, jika hostia kecil itu dipecahkan menjadi bahagian-bahagian lebih kecil.

Kehadiran Kristus tak tergantung kepada besar kecil atau banyak atau sedikit rupa roti, kerana dalam setiap bahagian dari hostia, Kristus tetap hadir secara utuh dan sama. Kehadiran Kristus serta rahmat yang diberikan, tidak bergantung kepada kuantiti, kerana kehadiran Kristus dan kuasa-Nya yang sama bekerja meskipun dalam bentuk roti yang sangat kecil.

Jadi, kuantiti – tidak mengubah intensiti kehadiran Kristus yang sungguh, nyata, dan substansial.

Kedua, Jika hal ini terjadi di Gereja dan petugas pembahagi sudah tahu, maka kelebihan hostia boleh dimakan saja semua. Jangan merasa bersalah kerana merasa tidak jujur. Pemberian hostia lebih dari satu itu bukan

kehendak penerima dan sudah diketahui petugas pembahagi komuni.

Jika hal ini terjadi dalam Misa di mana jumlah hostia biasanya sudah dihitung dan terbatas, maka mereka yang menerima hostia lebih daripada satu, digalakkan untuk mengembalikannya.

Ini adalah kerana mungkin ada umat yang tidak menerima komuni kerana kehabisan hostia.

Kadang juga terjadi dalam Misa jumlah hostia terlalu banyak. Maka paderi yang memimpin Misa tidak mahu membawa pulang dan menyimpan di tabernakel, maka kelebihan hostia itu boleh diberikan kepada umat. Jelas, jika hal ini terjadi, kelebihan hostia tak perlu dikembalikan, kerana memang bermaksud menghabiskan hostia yang sudah dikonsekrasikan.

Mengapa paderi mengangkat hostia dan piala semasa Misa?

Apabila menghadiri Misa Katolik, sudah menjadi kebiasaan bagi paderi untuk mengangkat hostia Ekaristi dan piala selepas kata-kata konsekrasi.

Berdasarkan sejarah, perkara ini tidak dilakukan sehinggalah pada abad ke-13, ia menjadi sebahagian daripada Misa.

Sebelum Konsili Vatikan II, paderi biasanya membelakangkan umat. Ini bermakna bahawa semasa paderi membaca Doa Ekaristi, hostia dan piala terlindung daripada pandangan.

Pada mulanya ini tidak menimbulkan sebarang masalah kepada orang ramai, tetapi menjelang abad ke-13, ramai orang kudus mencari jalan untuk memperdalam makna iman Ekaristi di kalangan umat.

Sebagai contoh, semasa abad ke-13 Sta Juliana dari Liege, seorang religius dan visionari, berusaha agar perayaan *Corpus Christi* dirayakan dengan perarakan di seluruh dunia.

Menurut *New Catholic Encyclopedia*, Odo dari Paris atau penggantinya pada awal abad ke-13 yang, "mengeluarkan dekri agar para paderi tidak mengangkat hostia yang belum dikonsekrasi, untuk diangkat semasa dikonsekrasi."

Dekri ini mungkin sebagai tindak balas kepada permintaan daripada orang awam, yang ingin melihat dan menyembah Yesus dalam bentuk Ekaristi.

Selepas Konsili Vatikan Kedua, apabila para paderi dibenarkan untuk merayakan Misa menghadap orang ramai, arahan tetap dalam *Missale Roma* untuk para paderi untuk "mengangkat atau menunjukkan hostia yang dikonsekrasi kepada orang ramai ... dan diangkat dalam semangat adorasi."

Kebiasaan mengangkat hostia dan piala kepada orang ramai telah menjadi bahagian utama Misa, mempromoklasikan misteri mendalam yang berlaku pada konsekrasi, di mana Yesus sendiri hadir dalam roti dan wain yang dipersembahkan di atas mezbah. — *Aleteia/hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Pada hari Minggu ini, kita merayakan dua perayaan penting. Pada waktu pagi, kita merayakan Hari Minggu Adven IV dan pada waktu

petang, kita merayakan Malam Krismas atau Vigil Krismas.

Pada waktu pagi, Injil memperkenalkan kita kepada Santa Perawan Maria, seorang gadis suci yang dipilih Tuhan untuk melahirkan


Sang Juruselamat!

Kemudian dalam beberapa jam selepas itu iaitu pada Vigil Krismas, kita akan mendengar tentang kelahiran Yesus, putera Tuhan! Adik-adik, antie ingin mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas dan Tahun Baru 2024!

Salam sayang
Antie Melly

Cari perkataan tersembunyi



**KUASA MARIA MALAIKAT
GALILEA YESUS
KOTA DAUD KUDUS ROH**

Sambungkan titik 1 hingga 45. Jangan lupa mewarnakannya.



Hari ini telah
HIRLA bagimu
MATJUSELARU,
iaitu **RISKUST**
Tuhan,
di **OTKO** Daud.
(Lukas 2:11)

Perkataan dalam huruf besar di bawah adalah salah. Betulkan ejaan tersebut bagi membaca Sabda Tuhan.

Susun semula petikan dalam kotak di bawah dan tulis petikan Sabda Tuhan pada ruangan yang disediakan.



(Yohanes 3:16)



dan ingin kita hidup selamanya.

Putera-Nya, Yesus Kristus, ke bumi

Kerana itu, Dia mengutus

Tuhan mengasihi kita

BELIA MILENIUM



Pengutusan Karolers di KSFx



KENINGAU: Pada 2 Disember, lebih 1,500 dari 12 Zon di bawah naungan Paroki Katedral St Francis Xavier (KSFx), berhimpun di Dewan Solidariti, Dataran Keuskupan Keningau bagi menyertai Rekoleksi Pewarta Peringkat Paroki KSFx.

Objektif rekoleksi ini adalah agar pewarta lebih bersedia mewartakan khabar gembira pada sesama terutama pada musim Adven.

Rekoleksi ini dimulakan dengan pendaftaran, disusuli sesi *ice breaking*, taklimat singkat serta lagu pujipujian oleh Kerasulan Belia Katolik (KBK) Zon Toboh Laut dan Zon Biah.

Dalam sesi pertama iaitu "Masa Adven menurut Gereja Katolik" Msgr Gilbert Lasius mengingatkan para belia bahawa tujuan utama karoling adalah untuk mewartakan khabar Gembira dan membantu umat mempersiapkan diri secara rohani bagi menantikan kedatan-

gan kelahiran Tuhan Yesus.

Sesi kedua yang disampaikan oleh Sdra Fabian Wong, "Pelayanan Pewarta sebagai sebuah Panggilan" membawa para belia memperbaiki diri demi menghidupi pelayanan panggilan.

Dalam rekoleksi ini juga, para belia didedahkan dengan teknik dan asas nyanyian dalam sebuah koir serta mempratikkan suara harmoni melalui bengkel koir yang disampaikan oleh Sdra Darrel Reitz.

Misa Kudus Perutusan pada jam 4.00 petang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong yang menyeru para pewarta karol melakukan pelayanan mereka dengan sungguh-sungguh kerana ia adalah misi dan panggilan Tuhan.

Pesan Bapa Uskup lagi, peranan sebagai pewarta karol adalah untuk mengingatkan umat pada musim Adven ini agar tidak mudah

terpengaruh dengan hal-hal duniawi, mengambil sikap berjaga-jaga dalam doa mengakrabkan diri dengan Tuhan.

Kali terakhir *Carols By Candlelight* diadakan pada 2018. Pada tahun ini ia kembali dengan tema, "Menyambut Kristus dalam Pengharapan".

13 Zon telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Koir Lagu-Lagu Krismas. KBK Zon Toboh Laut telah dinobatkan sebagai juara *Carols by Candlelight 2023*, tempat kedua dirangkul oleh KBK KSFx dan tempat ketiga dimenangi oleh KBK Zon Apin-Apin.

Dalam anugerah khas, KBK Zon Toboh Laut mendapat anugerah Susunan Lagu Terbaik, KBK Zon Liau mendapat anugerah Peralatan Muzik Unik, dan anugerah Lirik Terbaik oleh Harry Adea mewakili KBK KSFx — *Melty*

Kepimpinan bersifat Kristus

PULAU PINANG: Majlis Jaringan Kaum Muda Keuskupan Pulau Pinang (PDYN) yang diadakan pada Disember 1-3 lalu antara lain mengupas elemen-elemen penting untuk menjadi pemimpin Katolik yang baik.

Bertempat di Pusat Retret Stella Maris, seramai 25 perwakilan dari Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta menyertai program ini.

Selain membincangkan pelbagai isu, para perwakilan juga merancang pelbagai aktiviti untuk 2024 untuk PDYN sebagai program pembentukan iman khususnya golongan muda sekitar Keuskupan Pulau Pinang sambil mengeratkan lagi tali persaudaraan.

Hari pertama dimulakan dengan sesi pendaftaran diikuti dengan makan malam. Ini diikuti dengan sesi *Ice Breaking*, nyanyian dan permainan.

Kemudian para peserta memasuki sesi adorasi dan doa Taize sebelum mengakhiri sesi hari pertama.

Pada hari kedua, para peserta mengikuti sesi daripada Fr Simon Anand yang menekankan tiga ciri penting dalam pelayanan iaitu Iman, Harapan dan

Kasih (Roma 8:24-30).

Tegasnya, "Kasih mengarahkan kita kepada Tuhan, sedangkan iman dan pengharapan mengarahkan kepada kesempurnaan diri kita. Iman memberikan kita kesempurnaan akal budi, Harapan menyempurnakan keinginan kita dan Kasih Kasih akan hadir ketika kita percaya dan mengimani Tuhan."

Selain itu, sesi perbincangan tentang jenis-jenis pemimpin, kaedah dan fasa perkembangan tim membantu para peserta mengetahui lebih lanjut dan mengajukan soalan yang berkaitan dengan kepimpinan.

Hari ketiga dimulakan dengan sarapan pagi dan kemudian peserta dibahagikan mengikut kategori kampus, paroki dan pelayanan bagi membincangkan pelan program untuk tahun 2024.

Selepas sesi perbincangan, semua idea diserahkan kepada perwakilan PDYN yang hadir iaitu Jason Alexander dan Serena untuk dievaluasi.

PDYN Council diakhiri dengan Misa Kudus dan para peserta mengambil gambar bersama-sama sebelum kembali ke tempat masing-masing.



Beritakan makna sebenar Natal

LAHAD DATU: Pada Disember 3, paroki St Dominic telah merayakan Hari Minggu Adven pertama dan pada sebelah petang, diadakan perayaan *Carol by Candlelight* yang telah disertai oleh 26 kumpulan KKD.

Walaupun hujan turun dengan lebatnya sebelum acara bermula tetapi para karolers tetap datang memeriahkan program tersebut.

Rektor paroki, Fr Stanley W. Matakim mengingatkan para karolers agar dapat menjadi agen keselamatan kepada semua orang melalui lagu-lagu karol.

Paderi itu juga berharap agar semua

karolers mengelakkan diri dari terlibat isu-isu sensitif yang boleh mengakibatkan masalah kepada Gereja.

Acara *Carol by Candlelight* tamat lebih kurang jam 8.00 malam dengan lagu-lagu penutup "O Holy Night", "Joy to the world", "Feliz Navidad" dan "We wish you a Merry Christmas" yang dinyanyikan bersama oleh Paderi Paroki, para religius, ahli-ahli MPP dan ketua-ketua KKD di atas pentas.

Suasana menjadi lebih bermakna dan meriah semasa sesi pertukaran lili dan bermaaf-maafan serta ucapan 'I love you' di kalangan yang hadir.



60 tahun hubungan diplomatik Vatikan-Korea

SEOUL: Sri Paus Fransiskus telah mengirim pesan untuk para Uskup dan umat Katolik Korea sempena Ulang Tahun peringatan ke-60 hubungan diplomatik Vatikan-Korea.

Sri Paus telah mengungkapkan “harapan baik yang tulus” dan menyakinkan kedekatan rohani beliau kepada Uskup dan umat Katolik Korea dalam telegramnya kepada Uskup Matthias Ri Iong-Hoon dari Suwon, presiden Konferensi para Uskup Katolik Korea (CBCK), pada Disember 11.

“Perayaan penting ini adalah momen untuk mengucap syukur kepada Tuhan Yang Mahakuasa atas banyak berkat yang diterima



Duta Besar Vatikan, Uskup Agung Alfred Xuereb (tiga dari kanan) dan Uskup Agung Seoul, Msgr Peter Chung Soon-Taick (dua dari kanan) membuka pameran seni di Katedral Myeongdong di Seoul pada Jun 14, untuk merayakan peringatan 60 tahun hubungan diplomatik Korea Selatan-Vatikan. (Foto: Keuskupan Agung Seoul)

oleh komuniti Katolik dan masyarakat Korea selama beberapa dekad terakhir, dan saya siap

menyatukan diri saya dengan ungkapan terima kasih dalam perayaan Ekaristi ini,” ucap Sri Paus

Fransiskus yang dibacakan dalam Misa Kudus di Katedral Myeongdong, Seoul sempena merayakan perayaan ulang tahun diplomatik tersebut.

Para uskup Korea dan beberapa orang pegawai kerajaan bergabung dalam Misa yang dipimpin oleh Uskup Ri.

“Secara khusus, kita dapat bersyukur atas penyebaran Injil, pertumbuhan Gereja lokal dan sumbangannya terhadap kesejahteraan masyarakat Korea,” kata Sri Paus Fransiskus, seraya menambah “semoga pengaruh ini akan terus mempengaruhi budaya dan buah-buah rohani, terutama bagi mereka yang terabai, yang miskin dan tanpa harapan.”

Bapa Suci Fransiskus berharap Korea Selatan dan Takhta Suci akan terus membangun hubungan persahabatan dan bekerja sama untuk perdamaian serta perdamaian di Semenanjung Korea.

Bapa Suci turut mengenang kunjungannya ke Seoul pada tahun 2014 dan memimpin Misa beatifikasi para Martir Korea yang lalu.

Prelatus itu berharap dapat mengunjungi Korea Selatan tahun 2027 sempena Hari Kaum Muda Katolik Sedunia (WYD), dan berdoa agar kaum muda terus memberikan “kesaksian berharga tentang Kristus” lebih-lebih lagi semasa mereka mempersiapkan acara WYD di Seoul. — *ucanews.com*

Filipina anjur perarakan raksasa demi keadilan iklim

MANILA: Gereja Katolik dan kumpulan berasaskan agama di Filipina telah menyertai seruan global untuk keadilan iklim ketika COP28 di Dubai memasuki hari-hari terakhir rundingan yang penting.

Beribu-ribu anggota berasaskan agama, pertubuhan bukan kerajaan, dan gabungan pelbagai sektor, menyertai perarakan besar-besaran yang diadakan serentak di 55 tempat di seluruh negara Filipina pada Disember 9.

Penganjur berkata mereka berhasrat untuk menyumbang kepada

suara global bagi memberi tekanan kepada kerajaan dan pembuat keputusan di COP28.

“Sri Paus Fransiskus dalam *Laudate Deum* dengan tegas mengingatkan kita bahawa planet kita adalah anugerah, sebuah permaidani halus yang ditunen dengan benang keanekaragaman, keindahan, dan mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain.

Namun, permaidani ini dihanurkan di depan mata kita akibat tindakan manusia yang tidak bertanggung jawab,” kata Uskup Ka-

lookan, Msgr Pablo Virgilio David, ketua Konferensi para Uskup Filipina.

Uskup David mendesak masyarakat Filipina untuk bergabung dalam seruan global untuk keadilan iklim.

“Mari kita menanggapi seruan untuk menjaga rumah kita bersama, bukan sebagai pengamat pasif namun sebagai agen transformasi aktif.”

“Semoga usaha kolektif kita mencerminkan pesan mendalam *Laudate Deum*, yang memicu gerakan global menuju kepedulian dan keadilan ekologi,” tambahnya.

Konferensi Pemimpin Religi Filipina mengingatkan bahawa selama beberapa dekad komuniti ilmiah telah menyuarakan bahaya tersebut.

“Kita sekarang berada dalam darurat iklim. Peristiwa cuaca ekstrem seperti badai, banjir, gelombang panas, kenaikan permukaan laut, dan hilangnya keanekaragaman hayati telah menyebabkan penderitaan dan kerugian yang tak terhingga banyaknya baik nyawa mahupun harta benda,” kata kelompok religius tersebut. — *ucanews.com*



Kumpulan-kumpulan agama di Filipina, organisasi bukan kerajaan dan gabungan multi-sektoral, menyertai perarakan Keadilan iklim yang diadakan serentak di 55 tempat di Filipina pada Disember 9. Gambar: UCA News.

Wakil Vatikan di PBB merayakan 75 tahun deklarasi HAM

GENEVA: Ketika Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat meraikan ulang tahunnya yang ke-75, Wakil Tetap Vatikan di Geneva, Uskup Agung Ettore Balestrero, menganjurkan simposium yang bertujuan memberi tumpuan kepada hak asasi manusia dan menjaga ciptaan.

Simposium pada Disember 8, yang didanai bersama oleh *Sovereign Order of Malta*, *Caritas in Veritate Foundation*, dan Komisi Migrasi Katolik Antarabangsa, merupakan sebahagian daripada peringatan selama seminggu pengisytiharan itu.

Deklarasi HAM ditandatangani

pada Disember 10, 1948, yang secara luas sebagai sebuah teks dasar untuk manusia moden dan hak-hak sivil.

Dalam ucapannya, Uskup Agung Balestrero mengatakan dokumen penting berisi 30 artikel yang di adopsi oleh Majlis Umum PBB, telah mengakui “martabat hakiki manusia” setelah Perang Dunia II.

Namun, situasi global 75 tahun kemudian, memperlihatkan kengerian pelanggaran hak asasi manusia.

Sr Alessandra Smerilli, SDB, setiausaha Dikasteri Mempromosikan Pembangunan Manusia In-

tegral Vatikan, mengatakan beliau yakin visi deklarasi tentang “martabat yang tidak boleh dipisahkan dan hak-hak yang tidak dapat dicabut” yang perlu segera dibangkitkan kembali.

Beliau menambah bahawa Sri Paus Fransiskus telah memperingatkan dalam seruan apostoliknya yang terbaharu, *Laudate Deum*, yang menentang “paradigma teknokratik” baharu kapasiti manusia tanpa had, di mana “kebaikan dan kebenaran mengalir secara automatik daripada kuasa teknologi dan ekonomi.”

Sr Alessandra juga mengatakan,

Sri Paus mohon SP Maria lindungi warga Ukraine, Palestine, Israel



Sri Paus Fransiskus meletakkan karangan bunga di kaki patung Bonda Maria di Piazza. Gambar: Media Vatikan.

ROMA: Bonda Maria Dikandung Tanpa Dosa menunjukkan bahawa nasib umat manusia terletak pada kehidupan, persaudaraan, keharmonian dan perdamaian daripada kematian, kebencian, konflik dan perang, kata Sri Paus Fransiskus pada Hari Raya Santa Perawan Maria Dikandung Tanpa Dosa pada Disember 8.

Peribadi kita, hakikat kewujudan kita, mengingatkan kita bahawa kejahatan tidak mempunyai kuasa kekal,” kata Sri Paus semasa upacara doa pada Disember 8, yang duduk di hadapan patung Maria di tengah-tengah kota Roma.

Setelah perjalanan ke Dubai, dibatalkan, pesan ucapannya dibacakan oleh pembantu selama be-

berapa minggu kerana mengalami infeksi paru-paru.

Bapa Suci berangkat ke pusat kota Roma untuk melanjutkan tradisi berdoa di depan patung Bonda Maria.

Dalam upacara itu, petugas pemadam kebakaran di Roma menaiki anak tangga hampir 90 kaki untuk memasang karangan bunga putih di lengan Bonda Maria, sebuah tradisi Romawi yang dimulai tahun 1949.

Bapa Suci memohon Bonda Maria untuk “menghalakan pandangan belas kasihnya terhadap semua orang yang tertindas dan berduka akibat ketidakadilan, kemiskinan dan perang khususnya di Ukraine, Paletine dan Israel.” — *media Vatikan*



Uskup Agung Balestrero dan Sr Smerilli dalam membentangkan ensiklik *Laudate Deum* di Geneva. Gambar: Media Vatikan.

penyertaan Sri Paus Fransiskus ke COP28 di Dubai (diwakili oleh Kardinal Parolin) adalah untuk menggalakkan agensi dan organ-

isasi antarabangsa untuk bekerja dengan lebih berkesan dalam menangani cabaran bersama. — *media Vatikan*

AUDIENSI UMUM SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA KAUM AWAM

Jemputan Efata untuk kita semua

VATIKAN: Keterujaan untuk mewar-takan Injil “adalah tugas setiap orang Kristian yang dibaptis,” kata Sri Paus Fransiskus semasa Audiensi Umum minggunya pada hari Rabu, Disember 13, mengakhiri kitaran refleksinya tentang semangat kerasulan Kristian.

Sri Paus memulakan katekesis dengan menjemput umat beriman untuk merenungkan “Ritus Efata” yang dilakukan semasa Sakramen Pembaptisan.

Menurut Bapa Suci, upacara ini berasal daripada penyembuhan ajaib Yesus terhadap orang pekak dan bisu di Galilea.

Seperti yang diceritakan oleh Injil Markus, keajaiban itu telah berlaku di wilayah yang pada masa itu dihuni oleh orang kafir, bukan orang Yahudi.

Peristiwa itu menunjukkan kepada kita bahawa Yesus mampu membuka telinga dan mulut mereka yang tidak dapat mendengar atau bercakap, di mana pekak dan kebisuan dalam Alkitab secara metafora melambangkan sikap tertutup kepada panggilan Tuhan.

Efata!

Bapa Suci Fransiskus menekankan satu perkara menarik dalam kejadian itu ialah perkataan ‘*ephphatha*’ atau Efata yang diucapkan oleh Yesus, yang dalam bahasa Aram bermaksud, “Terbukalah”.

Menurut Bapa Suci, kata itu adalah jemputan yang ditujukan bukan sahaja kepada orang tuli dan bisu, yang tidak dapat mendengar-Nya, tetapi khusus kepada murid-murid-Nya pada masa itu dan juga kepada kita, pada masa ini.

“Kita juga, yang telah menerima Roh



Sri Paus Fransiskus berdoa di hadapan Pemandangan Kelahiran Yesus di dalam Dewan Paulus VI semasa Audiensi Umum.

‘*ephphatha*’ dalam Pembaptisan dan dipanggil untuk terbuka kepada pesan Injil yang memerlukan anda dan saya bagi memberi kesaksian tentang Tuhan.”

Sri Paus Fransiskus juga meminta para penziarah yang hadir untuk merenungkan sikap kita sebagai orang Kristian.

“Seorang Kristian harus terbuka kepada Firman Tuhan dan untuk melayani orang lain. Penganut Kristian yang tertutup selalu berakhir dengan teruk, kerana mereka bukan Kristian sebaliknya hanya ideologi tertutup,” jelasnya.

“Seorang Kristian mesti terbuka dalam mewartakan Firman dan dalam menyam-

but saudara-saudaranya. Dan atas sebab ini, ‘*ephphatha*’ ini adalah jemputan kepada kita semua.”

Yesus mempercayakan kepada kita akan misi-Nya, oleh itu, Sri Paus Fransiskus, mengulangi seruannya kepada umat beriman “untuk merasa terpanggil, kerana berdasarkan berkat pembaptisan kita, kita diutus untuk bersaksi dan memberitakan Yesus serta pertobatan.”

Pada akhir renungannya, Sri Paus berkata, “Setiap daripada kita harus bertanya pada dirinya sendiri: ‘Adakah saya benar-benar mengasihi Tuhan dan ingin mewartakan Dia?’” — *media vatican*

Ketika berasa keseorangan pada hari Krismas

Sesiapapun akan memahami betapa Sukarnya Krismas bagi sesetengah orang. Walaupun Krismas membawa pesan cintakasih dan musim kegembiraan, bagi sesetengah orang, perayaan ini boleh membawa kesunyian mencengkam bagi mereka.

Sama ada mereka kehilangan orang tersayang atau tidak dapat bersama dengan keluarga kerana sebab praktikal, penting untuk mengingati bahawa anda t i d a k pernah ber-

sendirian.

Petikan daripada Alkitab berikut menyerlahkan tema kehadiran, keselesaan, sokongan, dan kedamaian Tuhan, yang boleh menghiburkan terutamanya jika anda berasa keseorangan:

Jangan takut, kerana Aku bersamamu; janganlah kecewa, kerana Akulah Tuhanmu; Aku akan menguatkan engkau, Aku akan menolong engkau, Aku akan memegang engkau dengan tangan kanan-Ku yang adil.

● Petikan dari Yesaya 41:10 ini meyakinkan kita bahawa, walaupun dalam saat-saat kesepian, Tuhan hadir, menawarkan kekuatan dan sokongan.

Tuhan dekat kepada orang yang patah hati dan menyelamatkan orang yang remuk jiwanya.

● Diambil daripada Mazmur 34:18, ayat ini menonjolkan kedekatan Tuhan kepada mereka yang merasa patah hati, memberikan penghiburan dan penyelamatan.

Marilah kepada-Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu.”

● Dalam Matius 11:28, Yesus menjemput mereka yang letih atau terbeban untuk mencari penghiburan dan berehat di dalam Dia, menawarkan rasa lega dan

damai.

Akulah terang dunia. Sesiapa mengikut Aku, dia tidak akan berjalan dalam kegelapan, melainkan mempunyai terang hidup.

● Petikan Yohanes 8:12 menekankan bahawa melalui iman kepada Kristus, walaupun dalam masa-masa sunyi, kita boleh mendapat bimbingan dan penerangan.

Kuatkan dan tabahkanlah hatimu, jangan takut dan jangan takut kepada mereka; kerana Tuhanmu. Dialah yang pergi menyertai kamu. Dia tidak akan meninggalkan kamu dan tidak akan meninggalkan kamu.

● Ayat dalam Kitab Ulangan 31:6 meyakinkan kita tentang kehadiran dan kesetiaan Tuhan yang berterusan, khususnya ketika kita dalam kesepian.

Damai sejahtera Kutinggalkan bagimu. Damai sejahtera-Ku Kuberikan kepadamu, dan apa yang Ku berikan tidak seperti yang diberikan oleh dunia kepadamu. Janganlah gelisah dan gentar hatimu.

● Yesus menuturkan kata-kata ini dalam Yohanes 14:27, menawarkan kedamaian yang unik dan berkekalan yang mengatasi keadaan duniawi, memberikan keselesaan semasa detik-detik sunyi. — *Aleteia*

PENULIS BERKICAU

Memeluk Bayi Yesus

Sejak penghujung Oktober, semarak dan suasana perayaan Krismas telah dikuasai oleh dunia komersil. Perhiasan Natal, pokok Krismas, jualan Krismas dan lagu-lagu Krismas hampir menenggelamkan musim Adven.

Sebagai Katolik, saya sendiri pernah ‘hanyut’ dalam arus Krismas sekular. Setiap kali bulan Disember bermula, apa yang terlintas di fikiran ialah mahu ke pusat membeli belah untuk mencari pakaian dan kasut baharu paling cantik untuk dipakai pada vigal Krismas dan hari Krismas.

Bukan itu sahaja, salon dan spa adalah satu kemestian untuk dikunjungi pada bulan Disember kerana mahu kelihatan segar dan cantik pada hari Krismas!

Tetapi, mujurlah kebiasaan sia-sia ini beransur-ansur hilang dengan palungan Natal. Sepuluh tahun dahulu, palungan ini tidak begitu menarik perhatian saya kerana ia dihiasi dengan pelbagai lampu dan ornamen yang menjadikan palungan itu kelihatan mewah.

Setelah Seruan Apostolik Sri Paus Fransiskus *Admirabile signum* pada tahun 2019, saya melihat palungan Natal yang ada di setiap Gereja, mempunyai kuasa yang sangat mendalam. Ia adalah Injil yang hidup.

Simbol-simbol yang ada pada palungan Natal — dari bintang, para gembala, haiwan, Santa Perawan Maria, Sto Yosef, Bayi Yesus — membawa peranan yang sangat signifikan:

Malam yang ditaburi bintang

“Kita boleh memikirkan dalam perjalanan hidup kita, kita pasti mengalami kegelapan malam. Namun begitu, Tuhan tidak meninggalkan kita ... Kedekatan-Nya membawa terang apabila kegelapan berlaku dan menunjukkan jalan kepada mereka yang tinggal dalam bayang-bayang.

Haiwan

Menggambarkan semua ciptaan bergembira dengan kedatangan Mesias.

Gembala

Tidak seperti kebanyakan orang lain, yang sibuk dengan pelbagai perkara, gembala menjadi yang pertama melihat perkara yang paling penting — karunia keselamatan.

Maria

Di dalam dirinya, kita melihat Ibu Tuhan yang tidak menyimpan Puteranya hanya untuk dirinya sendiri, tetapi menjemput semua orang untuk mendengar firman-Nya dan melaksanakannya.

Bayi Yesus

Apabila, kita meletakkan patung Bayi Yesus di dalam palungan pada hari Natal, pemandangan Kelahiran tiba-tiba menjadi hidup. Tuhan muncul sebagai seorang bayi, agar kita dapat mengambil-Nya dalam pelukan kita. Di sebalik bayi Yesus yang lemah itu, Dia menyembunyikan kuasa-Nya yang mencipta dan mengubah segala sesuatu.

Ada banyak lagi makna pada palungan Natal yang menarik untuk kita ketahui. Mungkin, cabaran kita ialah meluangkan waktu sedikit bagi merungkai makna-makna tersebut.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Adven cermin harapan dan penantian

KLANG: Retret Adven 2023 yang diadakan di Holy Redeemer sangat bermakna kepada umat bagi umat Katolik yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Ini merupakan pengalaman baru khususnya bagi peserta remaja.

Retret diisi dengan katekesis yang disampaikan oleh Sdra Spencer Klumai yang memberikan pencerahan tentang makna Adven.

Spencer menerangkan bahawa masa Adven merangkumi tempoh atau periode empat minggu sebelum perayaan Natal.

Sepanjang musim Adven ini, umat diajak untuk mempersiapkan diri secara rohani bagi menyambut kedatangan Kristus.

Beliau juga menerangkan empat minggu dalam musim Adven memiliki makna khusus yang mencerminkan harapan serta dan persiapan menuju Natal, misalnya:

1. Minggu Adven Pertama: Li-

lin ungu pertama dinyalakan sebagai simbol harapan.

2. Minggu Adven Kedua: Lilin ungu kedua dinyalakan untuk mengingatkan umat akan perlunya mempersiapkan jalan bagi kedatangan Tuhan.

3. Minggu Adven Ketiga: Dikenali sebagai Minggu *Gaudete*, mengekspresikan sukacita dalam menyambut kelahiran Yesus Kristus. Lilin ketiga, berwarna merah muda, dinyalakan sebagai tanda sukacita.

4. Minggu Adven Keempat: Lilin ungu terakhir dinyalakan bersamaan dengan tiga lilin sebelumnya, menunjukkan ke depan menuju kelahiran Kristus.

Sepanjang musim Adven, paderi juga memakai busana berwarna ungu dan merah jambu. Gereja juga menyalakan Lilin Adven yang mempunyai maknanya tersendiri iaitu Lilin Nabi, Lilin Bethlehem, Lilin Sukacita dan Lilin Malaikat.

Paderi dari Kiulu hembus nafas terakhir



Para paderi memberikan penghormatan terakhir untuk Fr Marcellinus Pongking semasa Misa Pengebumian pada Disember 11, 2023.

SANDAKAN: Paderi pertama dari Kg Raganan, Kiulu di daerah Tamparuli, kira-kira 48 KM dari Kota Kinabalu, meninggal dunia di Lahad Datu pada Disember 8, pada usia 64 tahun.

Fr Marcellinus Pongking, yang ditahbis sebagai paderi oleh Uskup Agung John Lee pada Februari 17, 1997 di Dewan Masyarakat Kiulu.

Mendiang paderi itu telah melayani di pelbagai paroki di Keuskupan Agung Kota Kinabalu sebelum melayani di Keuskupan Sandakan.

"16 tahun yang lalu, semasa Keuskupan Sandakan baru ditubuhkan, mendiang Fr Marcellinus merupakan antara paderi yang menawarkan diri untuk melayani di Keuskupan Sandakan," kata Uskup Julius dalam homilinya semasa memimpin Misa Pengebumian Fr Marcellinus pada Disember 11, di Katedral St Mary.

Dengan sebak, Uskup Julius mengucapkan terima kasih kepada masyarakat Kunak dan Lahad

Datu atas kasih sayang dan perhatian yang tidak berbelah terhadap mendiang paderi.

Uskup Julius mengongsikan bahawa mendiang paderi adalah seorang yang sangat berdedikasi dalam pelayanan imamnya dan sentiasa mendahulukan Tuhan daripada kesihatannya.

Walaupun keadaan kesihatannya merosot, arwah terus berkhidmat di luar stasi untuk memberikan pelayanan sakramen kepada umat.

Uskup Julius pernah menasihatinya agar tidak perlu ke stasi luar demi kesihatannya, tetapi Fr. Marcellinus bertegas dan terus menjalankan tugas imamnya.

Pemergian Fr Marcellinus amat dirasai oleh Uskup Julius dan para paderi khususnya di Keuskupan Sandakan.

"Mendiang adalah seorang paderi yang tidak dapat digantikan, berhati mulia, seorang yang komited, berdedikasi, dan baik hati serta mudah mesra dengan umat," ujar Uskup Julius.

Misa pengebumian menyak-

sikan lebih 600 umat beriman, daripada pelbagai komuniti di Paroki Katedral St Mary, Lahad Datu, Kunak, Tawau, Tuaran, Papar, Kudat, Kota Marudu, Beluran dan Telupid datang dalam solidariti untuk memberikan penghormatan terakhir kepada Fr Marcellinus.

Msgr Nicholas Stephen mewakili Keuskupan Agung Kota Kinabalu turut hadir dalam Misa tersebut.

Ramai paderi di Kota Kinabalu tidak hadir memandangkan Pengakuan Adven yang dijalankan pada masa tersebut.

Ramai yang tahu kisah panggilan mendiang paderi yang tidak pernah menyangka akan menjadi paderi kerana cita-citanya adalah menjadi seorang guru.

Dan selama 26 tahun menjadi paderi, mendiang paderi itu tidak pernah lelahewartakan Khabar Gembira kepada umat.

Fr Marcellinus dikuburkan di Perkuburan Katolik, Sibuga Sandakan. — Evelyn Jock, Keuskupan Sandakan



Retret Adven 2023 di Holy Redeemer menghimpunkan umat dari Malaysia Timur.

Dua diakon untuk Sabah sebelum 2023 berakhir



Uskup Cornelius Piong mentahbis Seminarian Kennedy Nakudah Kilin sebagai diakon.

KOTA KINABALU: Dua Keuskupan di Sabah, Keuskupan Agung Kota Kinabalu dan Keuskupan Keningau telah menerima seorang diakon di keuskupan masing-masing sebelum tahun 2023 berakhir.

Diakon Kennedy Nakudah Kilin ditahbis oleh Uskup Cornelius Piong pada Oktober 26 manakala Seminarian Jerry Joseph Muhamat ditahbis sebagai Diakon oleh Uskup John Wong pada Disember 9 yang lalu.

Diakon Kennedy dilahirkan pada Ogos 11, 1981, berasal dari Kg Kepayan Lama, Apin-pin Keningau.

Bibit-bibit panggilannya sebagai paderi mulai bertumbuh setelah beliau menerima Sakramen Pembaptisan pada usia 15 tahun iaitu pada April 7, 1996 dan semakin diteguhkan semasa menerima Sakramen Krisma pada April 28, 1996.


Buat masa ini, Diakon Kennedy ditugas-

kan oleh Uskup Cornelius untuk membantu para paderi di paroki Tambunan.

Diakon Jerry Joseph Muhamat berasal dari paroki Good Shepherd, Menggatal. Beliau telah menamatkan pengajiannya dalam Falsafah (2017-2018) di *College General Major Seminary*, Pulau Pinang dan Teologi (2019- April 2023) di Kolej Seminari Tinggi Sto Petrus, Kuching, Sarawak.

Dalam perkongsian panggilannya secara singkat, Diakon Jerry mengatakan kehidupannya berubah menjadi lebih baik semasa di seminari.

"Ini kerana apabila memasuki rumah pembentukan, kami diberi pembentukan yang mana dasarnya adalah Tuhan Yesus sendiri. Sukacita yang tidak pernah saya lalui di luar pembentukan itu, saya rasai di dalam seminari dan saya percaya ini semua rencana Tuhan. — Caroline Liew/ Wilfred Doinis



Diakon Jerry Joseph Muhamat (kanan) bersama Uskup Agung John Wong.